

Pendekatan Nilai Akhlak Islam dalam Tarekat: Suatu Pendekatan Spiritualiti

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 157-165
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 26 July 2025
Accepted: 16 August 2025
Published: 9 September 2025

[*The Approach of Islamic Moral Values in The Sufis Order: An Approach of Spirituality*]

Nozira Salleh¹ & Nurina Mardiyah Abd. Razak¹

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: aziera@ukm.edu.my; nurinamardiyah139@gmail.com

*Corresponding Author: aziera@ukm.edu.my

Abstrak

Situasi kini menyaksikan kebanyakan umat Islam di seluruh dunia sedang menghadapi pelbagai masalah dan krisis akhlak yang sangat membimbangkan. Antara masalah akhlak tersebut ialah kecurian, rasuah, penagihan dadah, seks bebas, sumbang mahram, gangsterisme, pembuangan bayi dan lain-lain lagi. Dalam Islam, terdapat pelbagai pendekatan dan penyelesaian yang ditawarkan kepada umat Islam secara khususnya dalam pembinaan dan pembentukan akhlak mereka. Antara pendekatan tersebut ialah melalui tarekat. Tarekat yang diisi dengan ilmu dan amalan tasawuf dapat memperbaiki dan mempertingkatkan akhlak setiap Muslim. Justeru itu, artikel ini meneroka peranan tarekat dalam pembentukan akhlak setiap Muslim. Metodologi yang digunakan dalam artikel ini berbentuk kajian kepustakaan dengan merujuk kepada buku-buku dan artikel-artikel yang berkaitan dengan tajuk. Secara mudahnya dapat dinyatakan bahawa tarekat yang berpandukan kepada ajaran al-Quran dan Sunnah mampu membentuk, memperelok, meninggikan dan melahirkan akhlak yang unggul pada setiap Muslim. Dengan kata lain, ia secara jelasnya menunjukkan bahawa tarekat mampu mencegah masyarakat Muslim pada zaman kini daripada segala perbuatan tercela, malah ia dapat membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia pada diri seseorang Muslim.

Kata kunci: Akhlak, Tarekat, Tasawuf, Penyucian jiwa, Muslim

Abstract

The current global situation shows that many Muslims are facing various serious moral and social crises. Among these issues are theft, corruption, drug addiction, promiscuity, incest, gangsterism, baby dumping and others. Islam offers a range of approaches and solutions to address these problems, particularly in the development and cultivation of moral character. One such approach is through the Sufis Order. Rooted in the teachings and practices of Sufism, the Sufis Orders have the potential to enhance and elevate the moral values of individual Muslims. This article explores the role of Sufis Order in shaping the moral character of Muslims. The methodology employed is a literature review based on relevant books and scholarly articles. It can be concluded that the Sufis Order, when guided by the teachings of the Qur'an and Sunnah, are capable of nurturing, improving, and producing exemplary moral conduct among Muslims. In other words, Sufis Order play a significant role in protecting Muslim societies today from immoral behavior and in cultivating noble character and personal integrity among believers.

Keywords: Ethics, Order, Sufism, Purification of the soul, Muslim



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nozira Salleh & Nurina Mardiyah Abd. Razak. (2025). Pendekatan Nilai Akhlak Islam dalam Tarekat: Suatu Pendekatan Spiritualiti [The Approach of Islamic Moral Values in The Sufis Order: An Approach of Spirituality]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 157-165.

Pengenalan

Usaha membangun dan mengukuhkan unsur kerohanian bagi memperelokkan keperibadian dan akhlak sangat penting dan perlu diberi keutamaan bagi mengangkat darjat seseorang insan di sisi Tuhannya. Proses pemantapan ini berdasarkan tiga asas ajaran iaitu Islam, iman dan *ihsan* yang mana ia tentunya berdasarkan hadis Jibrail yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim. Praktikal *ihsan* juga dikenali sebagai ilmu tasawuf yang bertujuan melatih seorang Muslim supaya mencapai tahap seorang *muhsin* yang dekat serta dicintai oleh Allah s.w.t. Ilmu dan amalan tasawuf sangat berperanan sebagai medium bagi menyuburkan semula hati yang mati akibat kelalaian mengikuti syariat Islam dan kegagalan mengingati Allah s.w.t.

Amalan-amalan tasawuf ini akhirnya membawa kepada wujudnya tarekat-tarekat yang merupakan satu institusi yang digunakan bagi mereka yang ingin lebih mendekati tasawuf secara lebih tersusun dan berdisiplin dengan kaedah dan *manhaj* yang pelbagai. Justeru itu, tarekat dilihat oleh para sarjana Islam sebagai satu perkumpulan atau perhimpunan individu-individu daripada kalangan pengamal tasawuf yang menjadi pengikut kepada syekh yang tertentu dan mematuhi suatu peraturan yang telah ditetapkan ke atas mereka dalam menjalani amalan-amalan kerohanian.

Walaupun ramai masyarakat tidak mengetahui apa kesan positifnya tarekat kepada masyarakat dan negara, namun perkara ini terbukti membawa pengaruh dan kesan baik kepada mereka yang mengikuti tarekat. Hal ini kerana dalam tarekat terdapatnya pelbagai amalan praktikal yang membantu dalam membina akhlak yang baik dan terpuji.

Umumnya, tarekat merupakan suatu bentuk praktis daripada ilmu dan amalan tasawuf. Padanya, setiap *salik* (si penempuh jalan atau pengikut tarekat) atau murid melaksanakan ibadah wajib atau sunat dan *riyadah al-nafs* (spiritual training) dengan bersungguh-sungguh seperti mengerjakan solat tahajud, solat sunat *rawatib*, sentiasa berzikir, istighfar, berpuasa sunat dan lain-lain lagi. Di samping itu, tarekat juga turut dikenali sebagai medan yang melaksanakan ajaran Islam dengan penuh hati-hati, teliti dan istiqamah.

Sebuah tarekat lazimnya diisi dan dilazimi dengan amalan penyucian jiwa seperti melatih rohani dengan hidup secara berzuhud, menghilangkan sifat-sifat *mazmumah* yang menyebabkan dosa, dan mengisi dengan sifat-sifat terpuji, taat menjalankan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya dan sentiasa bertaubat atas segala dosa dan *muhasabah* diri terhadap semua amalan-amalannya. Ini bermakna, dengan hati yang suci, bersih dan selalu disinari oleh ajaran-ajaran Allah dan Rasul-Nya, akan semakin tinggilah akhlak manusia. Dengan kata lain, tarekat yang diisi dan dilazimi dengan amalan-amalan tasawuf mampu mempertingkatkan akhlak seseorang Muslim daripada yang kurang baik kepada akhlak yang mulia dan terpuji.

Definisi Tarekat

Daripada sudut etimologi, tarekat berasal daripada perkataan Arab, *al-tariqah* yang merupakan *maṣḍar* (kata benda) daripada perkataan *taraqa-yatriqu-tariqah* yang membawa maksud *al-kaifiyat* (jalan, cara) *al-uslub* (metode, sistem), *al-mazhab* (aliran, haluan) dan *al-ḥalat* (keadaan). Di samping itu, *tariqah* bermaksud juga memukul atau memanjangkan, menyisir, mengetuk dan melalui, tempat berlalu yang luas dan panjang, melebihi luas jalan. Jamak bagi perkataan *tariqah* ialah *turuq* (Makluf 1986; Ali 2004). Menurut Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (1994), tarekat didefinisikan sebagai jalan iaitu jalan untuk mencapai kebenaran, tata tertib hidup (mengikut peraturan agama atau ilmu kebatinan) dan perkumpulan penuntut ilmu tasawuf. Semua definisi daripada sudut bahasa ini boleh disimpulkan kepada istilah umum yang menunjukkan erti jalan iaitu satu jalan menuju kepada Allah s.w.t. dengan berlandaskan ilmu tauhid, fekah dan tasawuf (Ahmad Khatib 1344H; Fuad Said 1991; Othman 2001).

Pengertian tarekat daripada sudut istilah pula ialah jalan yang ditempuhi oleh seorang *salik* menuju keredaan Allah s.w.t. dengan amalan zahir dan batin sebagaimana terkandung dalam keluasan ilmu tasawuf. Selain itu, definisi lain bagi tarekat ialah jalan atau petunjuk dalam melakukan sesuatu ibadat sesuai dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan dikerjakan oleh para Sahabat Nabi, Tabi'in, Tabi' Tabi'in dan turun temurun sehingga sampai kepada para ulama Islam (Ali 2004). Menurut Trimingham (1973), tarekat merupakan *sufi order* yang berasaskan ketaatan atau kepatuhan yang luar biasa, yang terdidik dalam jiwa para murid atau anggota tarekat. Dalam ruangan lain, beliau turut menyatakan bahawa tarekat adalah kumpulan-kumpulan para murid yang mula berhimpun mengelilingi seorang syekh yang terkenal untuk mendapat tunjuk ajar dan latihan, lalu dengan itu muncul pula suatu bentuk persaudaraan kesufian (*sufi brotherhood*) dalam kalangan mereka. Menurut Aboe Bakar (1993) pula, tarekat bererti perjalanan seorang *salik* menuju Allah s.w.t. dengan cara menyucikan diri. Kemudian, beliau juga menjelaskan lagi bahawa tarekat adalah jalan dan petunjuk dalam melaksanakan sesuatu ibadat sesuai dengan ajaran yang ditentukan dan dipercontohkan oleh Nabi s.a.w. dan dikerjakan oleh para Sahabat dan Tabi'in secara turun-menurun sehinggalah kepada guru-guru yang kemudiannya. Selain itu, al-Qushairi (1989) mendefinisikan tarekat sebagai sebuah madrasah penyucian jiwa daripada segala keburukan dan menghiasinya dengan kasih sayang Allah s.w.t. dan para utusan-Nya sehingga tiada yang didambakan melainkan kembali kepada-Nya bersama keredaannya. Imam al-Ghazali (1990) menyatakannya dalam kitab *Ihya' Ulum al-Din*, "tarekat ialah jalan atau cara yang mendahulukan mujahadah, menghapuskan sifat *mazmumah*, memutus segala hubungan kait dengan makhluk dan menghadap dengan penuh *himmah* kepada Allah." Manakala Abu Ula al-Afifi (1963) menyatakan bahawa tarekat adalah tatacara khusus atau himpunan adab dan ajaran yang diamalkan oleh sesuatu kumpulan sufi. Maksud yang diberikan oleh ulama ini menjurus pengertian tarekat kepada satu kumpulan yang mengamalkan amalan tasawuf secara sistematik dan tersusun. Kemudian, al-Taftazani (1976) menjelaskan bahawa tarekat adalah himpunan sejumlah pegangan, tingkah laku serta adab yang diasaskan dan ditetapkan oleh kumpulan sufi atau istilah ini juga merujuk kepada kaedah memberi panduan dan tunjuk ajar akhlak dan kejiwaan yang digunakan oleh seorang syekh dalam usaha mendidik para muridnya.

Berdasarkan semua pengertian di atas, dapat disimpulkan dengan jelas bahawa tarekat adalah salah satu jalan dalam Islam yang ditempuhi oleh seorang *salik* untuk mendekatkan dirinya kepada Allah s.w.t. Ia boleh diungkapkan sebagai satu medan praktikal kehidupan kerohanian yang dijadikan rujukan utama oleh *salik* untuk mencari keredhaan-Nya. Dengan kata lain, tarekat itu adalah jalan kerohanian khusus yang dilalui oleh golongan yang berjalan (*al-salikun*) menuju kepada Allah s.w.t. Semasa perjalanan menuju kepada Allah s.w.t., mereka ini perlu merentasi pelbagai rintangan dan mengalami pelbagai peningkatan kerohanian dalam pelbagai *maqam*. Hal ini menunjukkan bahawa amalan yang perlu dilaksanakan bagi memperolehi kejayaan dalam mencapai ilmu tasawuf itu perlu diusahakan dengan bersungguh-sungguh dalam lingkungan tarekat. Maka, tarekat dalam hubungan ini merupakan wasilah yang disediakan oleh tradisi Islam bagi mencapai matlamat yang terkandung dalam ilmu tasawuf.

Sejarah Ringkas Perkembangan Tarekat

Sejarah perkembangan tarekat adalah selari dengan perkembangan tasawuf itu sendiri. Perkembangan bidang tasawuf dan tarekat dibahagikan kepada beberapa fasa. Fasa yang pertama bermula pada abad pertama dan ke-2 Hijrah. Tasawuf muncul pada zaman ini ekoran daripada kegusaran terhadap perubahan masyarakat pada masa itu daripada aspek sosial dan ekonomi yang mana munculnya budaya hedonisme yang mula memisahkan masyarakat Islam kepada hal-hal yang berkaitan dengan kerohanian. Justeru itu, satu usaha telah muncul dan ia dipanggil oleh sesetengah sarjana Muslim sebagai ‘gerakan tasawuf’ yang mana tujuannya adalah untuk membangkitkan kembali rasa cinta pada agama. Ia dipelopori oleh para Sahabat, dan mereka yang sentiasa menyeru dan mengingatkan masyarakat Islam pada ketika itu tentang hakikat kehidupan, menanam sikap suka beribadat dan berzuhud (Qasim 1974). Menurut M. al-Fatih (2008), perkembangan tasawuf dan tarekat dikatakan tidak berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w kerana umat Islam pada ketika itu teguh keimanan dan kuat pegangan agama serta jauh daripada budaya pragmatisme, materialisme dan hedonisme (Hilmi 1978; M. al-Fatih 2008).

Manakala fasa kedua bermula pada abad ke-3 dan ke-4 Hijrah. Ia memperlihatkan ilmu tasawuf telah berkembang dengan baik sebagai satu bidang yang konkrit merangkumi kejiwaan, akhlak dan metafizik. Ahli tasawuf telah muncul di seluruh pelusuk kota dan negeri di bawah pemerintahan Islam seperti Baghdad, Parsi, Mesir, Syam dan Semenanjung Tanah Arab. Selain itu, period ini juga memperlihatkan amalan tasawuf yang pada mulanya lebih tertumpu kepada usaha individu telah berubah menjadi praktik kumpulan tarekat dengan melahirkan cara yang lebih praktikal dan sistematik. Dengan kata lain, ilmu tasawuf telah diinstitusikan dalam bentuk pengajaran tarekat dan ia digunakan secara meluas pada abad tersebut (Qasim 1974). Fasa yang ketiga pula bermula pada abad ke-5 Hijrah. Pada masa ini, Tasawuf Sunni semakin berkembang kerana ia terus mendapat perhatian masyarakat umum, sementara Tasawuf Falsafi mulai tenggelam kerana umat Islam ketika itu bersikap pasif dengannya (Al-Ghazali 1979). Kemudian, pada akhir abad ke-5 Hijrah, munculnya ikatan ‘ketarekatan’ atau juga dikenali sebagai *sufi orders* di mana pengamalan tarekat diamalkan secara berdisiplin dengan berlandaskan syarat-syarat yang ditetapkan seperti berguru, mempunyai adab tersendiri dan mempunyai tempat-tempat khas untuk beribadah. Akhir sekali,

fasa keempat bermula pada abad ke-6 dan abad-abad yang seterusnya. Perkembangan tasawuf pada period ini secara signifikan turut mempengaruhi pada perkembangan tarekat itu sendiri. Peringkat ini memperlihatkan para murid mula mencurahkan taat setia kepada para syeikh dan mereka mendukung metode, peraturan, amalan dan doktrin yang merupakan warisan peninggalan syeikh mereka yang awal (Schimmel 1975). Justeru itu, munculnya beberapa kelompok-kelompok tarekat yang diawali dengan datangnya Syeikh Abdul Qadir al-Jilani (w.1116M) yang mengasas tarekat *Qadiriyyah*. Sejak itu, pelbagai tarekat lain telah muncul seperti Tarekat *al-Rifa'iyyah* yang diajarkan oleh Syeikh Ahmad Rifai (w.1182M), Tarekat *al-Kubrawiyyah* yang diasaskan oleh Najmuddin al-Kubra (w.1221M), tarekat *Syaziliyyah* yang diasaskan oleh Abu Hassan al-Syazili (w.1258M) dan tarekat *Naqsyabandiyyah* yang diasaskan oleh Bahauddin al-Naqsyabandi (w.1389M) (Hilmī 1978; Che Zarina 2004).

Setelah melalui pelbagai fasa dan zaman, tarekat juga melalui pelbagai perkembangan. Apabila sesebuah tarekat memiliki anggota yang cukup banyak, maka tarekat kemudiannya didaftarkan dan menjadi sebuah organisasi tarekat yang sah di sisi undang-undang. Pada peringkat ini, tarekat difahami sebagai organisasi yang mempunyai sejumlah orang yang berusaha mengikut kehidupan bertasawuf. Di Tanah Melayu pula, tarekat telah berkembang seiring dengan kedatangan agama Islam itu sendiri iaitu sekitar kurun ke 9M dan selewat-lewatnya kurun pada ke 12M. Pedagang Arab yang dikatakan sebagai penyebar agama Islam, datang secara langsung dari Tanah Arab. Setelah itu, penduduk di Tanah Melayu mula cenderung kepada tarekat yang berasal dari Tanah Arab seperti Tarekat *Syatariyyah*, *Sammaniyyah*, *Naqsyabandiyyah*, *Qadiriyyah* dan lain-lain lagi. Ini bermakna, tarekat telah wujud dan berkembang di Tanah Melayu sejak sekian lamanya menerusi golongan sufi melalui pemerintahan, perdagangan, penghijrahan tokoh tarekat dan sebagainya lagi (Hamka 2006).

Secara mudah dapat disimpulkan daripada sejarah perkembangan tarekat ini bahawa pada awalnya, tasawuf dan tarekat dipraktikkan secara individual oleh golongan *zahid* yang seringkali mengasingkan diri dan mengembara dari satu tempat ke tempat yang lain. Kemudian, perkembangan tarekat lebih sistematik dengan terbentuknya pusat-pusat kegiatan para sufi yang dinamakan *ribat*, *zawiyah*, *khanaqah* dan lain-lain lagi. Kemudian, golongan-golongan *zahid* tersebut telah mengembara di kebanyakan tempat seperti di Afrika Utara, Khurasan, Palestine dan telah menyebarkan amalan tasawuf dan tarekat serta mendirikan *ribat-ribat* di sana.

Peranan Tarekat dalam Pembangunan Akhlak yang Unggul

Institusi tarekat merupakan suatu wadah penghayatan amalan-amalan Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah untuk membina keperibadian yang unggul. Tarekat memainkan peranan yang sangat penting dan memberi kesan yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan Muslim. Oleh itu, peranan tarekat itu dapat dilihat menerusi tujuan tarekat itu sendiri iaitu berada sehampir mungkin dengan Allah s.w.t. Matlamat tarekat yang utama ialah mendidik individu supaya lebih berdisiplin mengenal Allah s.w.t. dan beribadah kepada-Nya dengan bersungguh-sungguh. Justeru itu, ia menerapkan kepada para muridnya tentang hakikat keimanan yang sebenar, menempuh jalan pengamalan yang betul dengan melakukan pembersihan jiwa serta melakukan amalan-amalan yang lain yang bersifat mendekatkan diri kepada Allah. Ia bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Jahid (1997) bahawa tarekat

mengandung aspek tarbiah yang merujuk kepada suatu proses pengasuhan jiwa atau penyucian rohani. Di samping itu, terdapat juga tujuan lain dalam bertarekat iaitu pembinaan aspek akhlak pada diri seseorang Muslim. Aspek ini memerlukan kewujudan kestabilan jiwa yang berkeselamatan, penguasaan dan pengendalian hawa nafsu sehingga seseorang Muslim itu konsisten dan komitmen hanya pada memiliki keluhuran dan ketinggian akhlak (Zakaria 2001).

Tarekat diyakini sebagai satu wadah yang jitu dalam membentuk dan membina akhlak seseorang Muslim kerana ia didasarkan pada banyak prinsip yang penting seperti takwa, taubat, *zikrullah* dan tafakur, uzlah dan khalwat, *himmah* yang kuat, para murid sentiasa dipimpin oleh *Mursyid*, tujuan hidup mereka hanya untuk Allah s.w.t dan keredaannya, para murid dan syekh sentiasa menjaga adab, para murid sentiasa melakukan muhasabah diri dan lain-lain lagi Semua ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip tersebut dapat dinyatakan sebagai satu medan tarbiah yang membentuk kesucian hati yang mana ia adalah dasar kepada *makarim al-akhlaq* dan sumber segala kebaikan (Jahid 2004).

Sesungguhnya, akhlak dan tarekat saling berkaitan dan mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Ini kerana tarekat sangat mementingkan aspek akhlak dalam setiap pelaksanaan amalan-amalan ibadah wajib atau sunat, atau dengan kata lain, akhlak menjadi dasar dalam pelaksanaan setiap amalan-amalan tersebut. Di samping itu, hubungan antara kedua-duanya dapat dilihat apabila akhlak dalam pelaksanaannya mengatur hubungan sesama manusia, hubungan dengan Tuhan dan juga alam semesta, manakala tarekat pula mengatur jalinan hubungan-hubungan tersebut agar menjadi lebih indah, tertib dan penuh penghayatan. Ini bermakna bahawa setelah menjalani proses tarbiah dalam tarekat, maka hati seseorang Muslim itu akan terhias dengan sifat-sifat yang terpuji seperti sentiasa bersyukur terhadap nikmat Allah, sentiasa meninggalkan maksiat, sabar terhadap segala ujian Allah s.w.t dan lain-lain lagi (Al-Taftazani 1976).

Akhlak merupakan asas yang kukuh bagi terciptanya hubungan baik antara seorang hamba dengan Allah s.w.t., sesama manusia dan juga alam semesta. Akhlak yang terpuji tidak lahir begitu saja, tetapi memerlukan waktu yang tidak terlalu cepat dan juga tidak secara tiba-tiba. Namun, ia memerlukan proses yang panjang dengan melibatkan kaedah pembelajaran atau pendidikan yang sistematik. Proses seumpama ini terkandung dalam tarekat yang juga dilihat sebagai satu bentuk proses untuk menguatkan nilai dalam seseorang bagi yang mengamalkannya. Ia mengandungi ajaran dan amalan-amalan tarekat yang mana ia pada asasnya adalah untuk pembinaan dan penerapan akhlak terpuji ke dalam jiwa setiap Muslim yang menyertai tarekat (Al-Taftazani 1976). Tarekat yang dikendalikan oleh seorang *Mursyid* yang berwibawa sememangnya menerapkan usaha untuk mendalami ajaran Islam dan memperbanyakkan amalan ibadah sehingga setiap Muslim yang menyertainya mampu memiliki akhlak yang terpuji. Di samping itu, pembentukan akhlak dijalankan secara lembut melalui proses tabi'i iaitu melalui suri teladan *Mursyid* dan para pendukung tarekat tersebut agar ia berjalan secara baik dan semulajadi.

Dalam tarekat, hati memegang peranan utama sebagai medan penyucian jiwa dan penghayatan amalan-amalan ibadah agar menjadi lebih khusyuk dan diredai oleh Allah s.w.t. Amalan pembersihan dan penyucian jiwa sangat berhubung rapat dengan pembinaan akhlak Muslim. Sebagai suatu terma spiritual, *tazkiyah al-nafs* bermaksud penyucian jiwa, pembersihan dan penyuburan diri serta penyingkiran segala bentuk perkembangan yang tidak dikehendaki dan segala perkara yang tidak baik. Ia adalah suatu usaha gigih untuk membersihkan

dan menyucikan diri seseorang manusia daripada sifat-sifat buruk dan keji yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak yang mulia seseorang insan. Seterusnya penyucian diri itu diikuti dengan usaha pengisian dan perhiasan diri supaya proses tersebut menjadi lebih sempurna (Sulaiman 1992, Zakaria 2001).

Secara umumnya, penyucian diri ini mengandungi beberapa proses yang dikenali sebagai *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli*. Peringkat *takhalli* melibatkan proses penyucian dan pengosongan jiwa dan diri daripada sifat-sifat yang tercela seperti *riya'*, *takabbur*, *'ujub* dan sebagainya lagi yang mana ia boleh melunturkan keimanan seseorang kepada Allah s.w.t. Manakala peringkat kedua pula ialah *tahalli* iaitu pengisian jiwa dengan akhlak-akhlak yang terpuji. Peringkat ketiga pula ialah *tajalli* iaitu kristalisasi nilai-nilai akhlak dalam diri manusia yang bererti nilai-nilai *ilahiyyah* yang selanjutnya akan direfleksikan dalam setiap gerak dan aktiviti. Pada tingkatan ini seseorang telah mencapai tingkatan kesempurnaan akhlak. Ini bermakna melalui pengamalan tarekat, ia dapat membantu menyucikan jiwa atau membersihkan diri dari dalaman, mencegah diri daripada perbuatan tercela dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Dengan itu, tercapailah pembangunan jiwa dalam pembinaan diri untuk mencapai akhlak yang mulia (Sulaiman 1992; Zakaria 2001; Othman 2001).

Hal ini bertepatan dengan apa yang dinukilkan oleh Sayyid Qutb (1996), iaitu jiwa yang suci dan bersih ini akan subur dengan perasaan *'ubudiyyah* yang sememangnya sedia wujud dalam diri manusia, dan ia juga akan turut membentengi dirinya dengan segala peraturan dan kehendak Allah s.w.t. serta menghalang mereka daripada menyimpang jalan yang benar di mana setiap tingkah laku, tutur kata dan segala amal perbuatannya selaras dengan ajaran Islam yang mulia di samping membimbing mereka dalam melakukan amalan-amalan yang boleh membawa kebaikan dan menjauhkan segala keburukan dan kejahatan. Contohnya, penyucian jiwa akan menanam kesedaran tentang kepentingan beriman kepada hari akhirat yang akan mengelakkan mereka daripada terjerumus ke dalam kemaksiatan dan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah s.w.t. Ini semua adalah sebagai nilai tambah bagi mengelak berlakunya keruntuhan moral. Hasilnya, masyarakat akan hidup dengan jaminan keharmonian, kesejahteraan dan keadilan.

Selain amalan penyucian jiwa, tarekat juga mengandungi amalan berzikir yang merupakan satu proses tarbiah *ruhiyyah* yang bertujuan untuk membersihkan diri seseorang Muslim daripada pelbagai sifat keji bagi meningkatkan lagi darjat hati (Jahid 2004). Zikir yang diamalkan oleh murid dengan tekun seperti zikir khusus yang diamalkan serta dengan tafakur atau muraqabah kepada Allah s.w.t., ternyata proses tarbiah rohani ini mampu memberikan perubahan positif kepada seseorang Muslim itu. Apabila seseorang Muslim itu berzikir, maka hati mampu menjadi tenang ketika rasa sedih, gelisah dan risau. Pada masa yang sama juga, hati turut terhias dengan sifat-sifat yang terpuji (Othman 2001).

Pengamalan amalan tarekat dalam kehidupan seharian menatijahkan kesan yang besar kepada diri setiap Muslim. Antara kesan signifikan yang jelas dapat dilihat ialah lahirnya sifat *ihsan* dalam diri. *Ihsan* merupakan satu perkara yang seharusnya umat Islam yakini dan pegangi bahawa setiap perbuatan dan perlakuan adalah di bawah penguasaan dan pengawasan Allah s.w.t. Selain itu, nilai *ihsan* menjadi tarbiah daripada hasil ibadah yang sempurna (Jahid 1997). Sifat ini merupakan sifat yang patut wujud dalam diri setiap insan yang bergelar hamba Allah s.w.t. Sifat sentiasa diawasi dan diperhatikan ini mampu melahirkan akhlak yang baik kepada Muslim kerana sifat tersebut akan melahirkan perasaan bimbang dan takut untuk melakukan

perkara yang keji sama ada secara beramai-ramai atau berseorangan. Ini bermakna, setiap Muslim yang merasa pengawasan Allah akan dapat mengendalikan tingkah laku dengan sebaiknya. *Ihsan* yang diyakini sebagai satu nilai yang berbentuk kesedaran dalam hati manusia, sesungguhnya ia dapat memperbaiki amalan dan melakukan kebaikan dengan ikhlas. Justeru itu, pengamalan dan pendidikan dalam tarekat mampu melahirkan sifat *ihsan* dalam diri seseorang Muslim dan ia sekaligus membantu terbinanya akhlak-akhlak yang *mahmudah* (Al-Nadwi 1987; Othman 2001).

Selain itu, tarekat merupakan satu medan disiplin yang mampu membimbing Muslim ke arah jalan yang berterusan iaitu *istiqamah* dalam mengerjakan amalan yang baik. Peranan *Mursyid* dalam sesebuah tarekat membuatkan muridnya rasa sentiasa dijaga dan dikawal dalam melakukan sesuatu amalan kebaikan. Tambahan lagi, suasana kekeluargaan antara murid yang ramai dalam tarekat itu sendiri mendorong seseorang Muslim itu untuk sentiasa menjaga dan mengerjakan amalan yang baik secara konsisten. Hal ini secara tidak langsung mampu melahirkan semangat 'keistiqamahan' dalam melakukan segala bentuk amalan kebaikan. Keadaan ini juga bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Ahmad Zarruq (1985) bahawa matlamat perjalanan tarekat adalah untuk membentuk peribadi mulia dan memperoleh keyakinan beriman serta kecintaan Allah s.w.t. Penyucian jiwa dan peningkatan jiwa sehingga mencapai *makrifatullah* melalui nilai disiplin yang perlu dipatuhi merupakan wadah yang terbaik dalam tarekat bagi membentuk akhlak yang terpuji pada diri seseorang Muslim. Semua kenyataan ini menunjukkan bahawa mendekatkan seseorang Muslim itu kepada akhlak Islam hendaklah dilakukan dengan menghampirkannya kepada cara hidup Islam dan mengamalkannya bersama mereka yang berjuang dalam memiliki akhlak yang mulia demi membina masyarakat yang sejahtera (Jahid 1997; Othman 2001).

Kesimpulan

Tarekat sememangnya menawarkan kaedah yang jitu kepada setiap Muslim yang menyertainya dalam memperelok, membina dan memperkukuhkan akhlak yang mulia. Konsep penyucian jiwa yang ada dalam tarekat berperanan menghasilkan ketetapan iman dalam pembentukan akhlak yang mana mereka akan mampu melaksanakan hubungan antara manusia dengan Pencipta, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk Allah s.w.t. yang lain. Selain itu, jiwa yang bersih hasil daripada penyucian jiwa daripada melibatkan diri dengan perbuatan-perbuatan syirik, perbuatan dan dosa sama ada yang kecil mahupun yang besar, amat berperanan dalam pembangunan akhlak bagi menghasilkan keutuhan jiwa yang akan mewujudkan Muslim yang sentiasa aman, tenteram dan damai kerana dapat menerima segala cubaan dan dugaan hidup. Begitu juga ketika berzikir; iaitu semasa melantunkan ayat-ayat Allah s.w.t., mengalun *asma'-asma'* Allah, maka hati seseorang Muslim itu akan menolak untuk melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah s.w.t. Secara mudahnya dapat dinyatakan bahawa penglibatan seseorang Muslim dengan tarekat akan membentuknya menjadi seorang yang berakhlak baik daripada semua aspek tingkah laku dan tindak tanduk serta mampu untuk memelihara peribadi mulianya sebagai seorang hamba Allah dan khalifah yang mempunyai akhlak yang unggul.

Rujukan

- Aboebakar Atjeh. 1993. *Tarekat dalam Tasawuf*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Afifi, Abu al-Ulā. 1963. *Al-Tasawwuf: al-Tawrah al-Rūhiyyah fi al-Islam*. Qaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Ahmad Zarruq. 1985. *Hikam Ibn Ata'illah*. Qaherah: Dār al-Sha'bu.
- Ahmad Khatib Abdu Latif. 1344. *Al-Ayat al-Bayyinah*. Mesir: Matba'ah al-Taqqaddum al-Ilmiyyah.
- Ali Mohamed. 2004. *Mengenal Tasawuf dan Tarekat*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Che Zarrina Sa'ari. 2004. Tasawuf: sejarah dan perkembangannya hingga kini. Dalam Wan Suhaimi Wan Abdullah & Che Zarrina Sa'ari (pnyt.). *Tasawuf dan Ummah*. Hlm.1-34. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, API, UM.
- Fuad Said H.A. 1991. *Hakikat Thariqat Naqsyabandiyyah*. Ipoh: Pustaka Muda.
- Al-Ghazali, Abu Ḥamid Muḥammad ibn Muḥammad. 1979. *Al-Munqiz min al-Ḍalāl*. Abd. al-Halim Mahmud (pnyt.). Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muḥammad ibn Muḥammad. 1990. *Iḥyā' 'Ulum al-Din*. Damsyiq: Dar al-Khayr.
- Ghani, Qasim. 1974. *Tarikh al-Tasawwuf fi al-Islam*. Terj. Sadiq Nas'at. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Hamka. 2006. *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ḥilmi, Muḥammad Mustafa. 1978. *al-Hayat al-Ruhiyyah fi al-Islam*. Kaherah: Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-Ammah li al-Ta'lif wa al-Nashr.
- Jahid Sidek. 1997. *Sheikh dalam ilmu Tariqah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Jahid Sidek. 2004. Kepentingan Tarekat dalam Peningkatan Iman dan Amal. Dlm. Wan Suhaimi Wan Abdullah & Che Zarrina Sa'ari (pnyt.). *Tasawuf dan Ummah*. hlm.85-96. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, UM.
- Makluf Luis. 1986. *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Alam*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Mohd. Sulaiman Yasin. 1992. *Akhlaq dan Tasawuf*. Bangi: Yayasan Salman.
- Al-Nadwi, Abu Hassan. 1987. *Rabbaniyyah la Rahbaniyyah*. Beirut: Dar al-Fath.
- Othman Napih. 2001. *Pengantar Ilmu Tasawuf*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Qushairi, Abu al-Qasim. 1989. *Al-Risalah al-Qushairiyyah*. Qaherah: Dar al-Sha'b.
- Sayyid Qutb. 1996. *Fi Zilal al-Quran*. Jil.6. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Sidang Editor DBP. 1994. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schimmel, Annemarie. 1975. *Mystical Dimensions of Islam*. t.p: North Carolina
- al-Taftazani, Abu al-Wafa' al-Ghanimi. 1976. *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Tawafah.
- Trimingham J.S. 1973. *The Sufi Order in Islam*. New York: Oxford University Press.
- Zakaria Stapa. 2001. Tarekat tasawuf sebagai wadah amalan kerohanian Islam: Satu Analisis Konseptual. Dlm. Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah (pnyt.). *Islam, Akidah dan Kerohanian*, hlm.134-156. Ed. ke-3. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.